

NOTIS PRIVASI

Pernyataan Privasi

A.

DEFINISI

Dalam Pernyataan Privasi: -

“BNM” bermaksud Bank Negara Malaysia

“Bursa Malaysia” bermaksud bursa saham di Malaysia

“Perkhidmatan Komunikasi” termasuk perkhidmatan papan bulletin (“bulletin board services”), ruangan ‘chat’, kumpulan berita, forum-forum, komuniti, laman web peribadi, kalendar dan/atau apa-apa pesanan atau kemudahan komunikasi lain yang disediakan melalui Portal Laman Web Korporat KAF atau melalui apa-apa komunikasi antara anda dan pihak KAF termasuk dan tidak terhad kepada apa-apa surat menyurat dan/atau borang permohonan yang telah anda isi.

“KAF”, “kami” dan “kita”, bagi tujuan penggunaannya di dalam Pernyataan Privasi ini merangkumi KAF Investment Bank Berhad, KAF-Seagroatt & Campbell Berhad, KAF Trustee Berhad, KAF Research Sdn. Bhd., KAF Investment Funds Berhad, dan mana-mana atau semua syarikat dalam KAF.

“Portal Laman Web Korporat KAF” adalah terdiri daripada pelbagai laman web yang dikendalikan oleh Portal Korporat KAF di bawah hakmilik KAF.

“PDPA” bermaksud Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan merangkumi undang-undang subsidiari dan/atau peraturan-peraturan yang dikeluarkan selaras dengannya dan peraturan-peraturan di bawahnya, atau seperti yang dipinda atau ditambah (“as may be supplemented”) dari semasa ke semasa.

“PIDM” bermaksud Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

“Data Peribadi” bagi tujuan Pernyataan Privasi ini mempunyai maksud sebagaimana yang telah ditafsirkan di dalam PDPA, termasuk Data Peribadi yang dalam milikan atau kawalan KAF yang secara langsung atau tidak langsung berkaitan dengan anda atau (individu lain) setakat mana identiti anda (atau individu lain), dikenalpasti atau boleh dikenalpasti melalui informasi tersebut atau informasi yang lain yang di dalam kawalan KAF.

“Pemprosesan”, bagi tujuan Pernyataan Privasi ini adalah mempunyai maksud sebagaimana yang telah ditafsirkan di dalam PDPA, termasuk mengumpul, merekod, memegang, menyimpan, mengguna atau penzahiran Data Peribadi.

“Produk Perkhidmatan” termasuklah kesemua atau mana-mana Perkhidmatan kewangan dan perkhidmatan bank pelaburan (“financial and investment banking services”) (termasuk apa-apa Perkhidmatan lain yang berkaitan), perkhidmatan pasaran modal hutang (“debt capital markets services”), perkhidmatan kewangan korporat (“corporate finance services”), perkhidmatan

pembrokeran saham (“stock-broking services”), perkhidmatan pelaburan (“investment services”), perkhidmatan pengurusan aset (“asset management services”), khidmat nasihat pelaburan (“investment advisory services”), pemegang amanah (“trusteeship”), perkhidmatan penjagaan (“custodian services”), dan lain-lain perkhidmatan sama ada yang ditawarkan secara “online” atau melalui cara yang lain oleh KAF melalui permohonan elektronik atau secara manual atau cara-cara yang lain.

“Perkhidmatan” membawa maksud Perkhidmatan Komunikasi dan Produk Perkhidmatan dan/atau apa-apa Perkhidmatan dibawah Perkhidmatan Komunikasi dan Produk Perkhidmatan, sepertimana yang anda perlukan.

“SC” bermaksud Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

B.

PENGENALAN

B1.

KAF komited untuk melindungi privasi maklumat klien kami (“Data Peribadi, sepertimana yang telah ditafsirkan”), yang juga merangkumi pengguna-pengguna Portal Laman Web Korporat KAF. Pernyataan Privasi ini merangkumi pengumpulan, penggunaan, dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan Data Peribadi.

B2.

Pernyataan Privasi ini menerangkan perkara-perkara tersebut: -

- Jenis Data Peribadi anda yang diproses oleh KAF apabila anda memperoleh atau mendapatkan dan/atau menggunakan apa-apa Produk Perkhidmatan dan/atau Perkhidmatan komunikasi daripada KAF atau Portal Laman Web Korporat KAF;
- Di mana atau bagaimana KAF mendapatkan sumber Data Peribadi anda (mana yang berkenaan);
- Tujuan-tujuan KAF mengumpul dan menggunakan Data Peribadi anda;
- Situasi-situasi atau keadaan-keadaan yang membolehkan KAF menzahirkan Data Peribadi anda kepada pihak ketiga;
- Sama ada anda boleh menghadkan pemprosesan Data Peribadi anda;
- Sama ada wajib atau sukarela bagi anda untuk memberikan Data Peribadi anda dan akibat sekiranya anda gagal atau enggan memberikan Data Peribadi anda apabila ianya wajib diberikan; dan
- Bagaimana untuk menghubungi KAF sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan dengan Data Peribadi anda atau sekiranya anda ingin menggunakan hak anda untuk mendapatkan sesalinan Data Peribadi anda atau membuat pembetulan kepada Data Peribadi anda;

B3.

Adalah dimaklumkan bahawa apabila anda mendaftar atau meneruskan penggunaan Portal Laman Web Korporat KAF dan/atau menggunakan perkhidmatan KAF untuk Produk Perkhidmatan dan/atau Perkhidmatan Komunikasi, anda adalah dianggap telah

NOTIS PRIVASI

bersetuju dan menerima terma-terma sebagaimana yang dinyatakan di sini.

1. PENGUMPULAN DATA ANDA

1.1 KAF mengumpul Data Peribadi anda daripada sumber-sumber berikut: -

- a. Daripada anda, semasa proses pendaftaran dan/atau proses permohonan termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana borang pendaftaran dan/atau borang permohonan yang anda telah anda isi secara "online" atau sebaliknya;
- b. Daripada penggunaan Produk Perkhidmatan atau Perkhidmatan Komunikasi mengikut apa yang dipilih oleh anda, yang disediakan oleh KAF;
- c. Daripada lawatan anda ke Portal Laman Web Korporat KAF atau apabila anda menggunakan Portal Laman Web Korporat KAF (sebagai contoh, sila lihat Penggunaan Kuki);
- d. Daripada komunikasi anda bersama kakitangan yang telah diberi kuasa oleh KAF untuk berurusan dengan anda; dan
- e. Dari sumber-sumber lain contohnya, agensi rujukan kredit, dan lain-lain sumber informasi yang boleh didapati secara umum ("publicly available sources information").

1.2 KAF boleh mengumpul pelbagai jenis Data Peribadi anda bergantung kepada Perkhidmatan pilihan yang anda nikmati atau perjanjian anda dengan pihak kami. Antara Data Peribadi anda yang dikumpul adalah (termasuk tetapi tidak terhad kepada, nama, tarikh lahir, jantina, kewarganegaraan dan bangsa, bahasa pilihan, alamat e-mel, alamat rumah semasa atau alamat tempat kerja, nombor telefon atau telefon bimbit, nombor talian faks dan butir-butir yang terdapat di dalam dokumen pengenalan anda (termasuk nombor kad pengenalan dan/atau nombor passport) dan juga informasi kewangan dan bank, apabila diperlukan.

1.3 KAF juga mengumpul informasi tentang perisian, perkakasan computer dan aplikasi mudah alih dan perkakasan komputer anda secara automatik. Informasi ini adalah seperti alamat IP, jenis pelayar web ("browser"), nama domain, masa akses dan laman-laman web yang dituju.

2. TUJUAN MENGUMPUL DAN MEMPROSES DATA PERIBADI ANDA

2.1 Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, KAF boleh mengumpul dan memproses Data Peribadi anda dalam urusan biasa KAF ("ordinary course of business"), termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara-perkara berikut: -

- a. Penyimpanan rekod dalaman sepertimana yang ditetapkan oleh undang-undang atau pihak berkuasa / badan-badan kawal selia termasuk tetapi tidak terhad kepada Bank Negara Malaysia ("BNM") dan/atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") dan/atau Bursa Malaysia;
- b. Bagi tujuan menjalankan dan/atau pemprosesan Data Peribadi anda berkaitan dengan

penggunaan Perkhidmatan kami atau perjanjian anda dengan pihak kami;

- c.
- d. Bagi tujuan mengesahkan pengenalan diri anda;
- e. Bagi tujuan mengenalpasti dan/atau mengelak sebarang aktiviti-aktiviti yang palsu, haram, menyalahi undang-undang, dan/atau aktiviti jenayah;
- f. Bagi tujuan memberi maklumbalas kepada pertanyaan anda;
- g. Bagi tujuan menghubungi anda jika perlu berkenaan Perkhidmatan yang anda perolehi;
- h. Bagi tujuan penyiasatan atau penyelesaian sebarang isu berkenaan perkhidmatan kami;
- i. Bagi tujuan menguatkuasakan, menambahkan dan/atau mempertahankan mana-mana hak kami;
- j. Bagi tujuan mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkenaan;
- k. Untuk meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan kami; dan
- l. Tujuan-tujuan lain dalam urusan biasa perniagaan ("ordinary course of business") kami yang tidak dinyatakan di sini secara spesifik di sini.

2.2 Pihak kami juga boleh menggunakan Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan di bawah:

- a. Menjalankan aktiviti dalaman ("internal activities") dan/atau bagi tujuan kaji selidik permintaan pasaran ("market survey") dan analisis trend ("trend analysis");
- b. Untuk tujuan statistik am penggunaan Portal Laman Web Korporat KAF;
- c. Menghubungi anda dari semasa ke semasa (termasuk dan tidak terhad kepada surat-menyurat, e-mel, faks, dan sms) untuk mempromosikan produk, Perkhidmatan, dan tawaran dari pihak ketiga yang pada pendapat kami mungkin menarik minat anda;
- d. Untuk memaklumkan kepada anda tentang produk dan Perkhidmatan yang ditawarkan KAF dan syarikat-syarikat lain yang berkaitan dengan KAF ("its affiliates");
- e. Menghubungi anda untuk membuat kajian melalui kaji selidik ("survey") tentang pendapat anda tentang Perkhidmatan kami sediakan atau Perkhidmatan-Perkhidmatan lain yang bakal dan/atau mungkin ditawarkan;
- f. Untuk memberikan ucapan di musim perayaan atau perkhidmatan pesanan awam kepada anda sama ada bagi pihak kami mahupun bagi pihak ketiga yang pada pendapat kami mungkin menarik minat anda.
- g. Untuk menghantar pesanan notifikasi berkenaan perubahan alamat dan penutupan pejabat operasi.

2.3 Data Peribadi anda akan dihormati, dijaga dan dilindungi. Oleh itu, kami akan memastikan hanya kakitangan kami yang terlatih dan mempunyai persediaan yang secukupnya ("well equipped") dalam mengendalikan Data Peribadi yang telah anda berikan atau zahirkan atau yang telah diberikan dan dizahirkan bagi pihak anda untuk mengakses Data Peribadi tersebut.

NOTIS PRIVASI

2.4 Anda dinasihatkan bahawa, walaupun anda tidak terikat mahupun diwajibkan untuk memberikan kami mana-mana Data Peribadi anda atau memberikan persetujuan anda kepada kami untuk memproses Data Peribadi anda, keputusan anda untuk tidak berbuat begitu, atas apa-apa sebab, boleh menyebabkan anda tidak dapat menggunakan Perkhidmatan kami sepenuhnya kerana, Perkhidmatan kami adalah secara langsung atau tidak langsung bergantung kepada atau melibatkan pemprosesan Data Peribadi anda yang mungkin akan memberi kesan terhadap keupayaan kami untuk melaksanakan apa-apa obligasi kami di bawah mana-mana perjanjian anda bersama kami. Kami tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua keadaan terhadap sebarang kerugian, kerosakan atau apa-apa liabiliti yang mungkin timbul disebabkan keputusan anda untuk menahan ("withhold") Data Peribadi anda. Sekiranya anda tidak bersetuju kami memproses data anda untuk mana-mana tujuan diatas atau tujuan lain, anda boleh menghubungi kami melalui cara yang telah disediakan di Klausu 10 di bawah.

2.5 KAF boleh memindahkan Data Peribadi anda ke lokasi di luar Malaysia untuk memproses Data Peribadi anda atau untuk mana-mana tujuan yang telah dinyatakan di dalam Pernyataan Privasi ini.

3. PERKONGSIAN DATA PERIBADI

3.1 Secara umumnya, melainkan ianya dibenarkan undang-undang, kami tidak akan menzahirkan Data Peribadi anda kepada mana-mana pihak ketiga. Syarikat-syarikat di bawah KAF adalah tertakluk di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ("Financial Services Act 2013") dan/atau Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 ("Capital Market and Services Act 2007") dan/atau lain-lain undang-undang, samada yang dipinda, ditambah atau sebaliknya dan garis panduan yang berkenaan bagi melindungi Data Peribadi.

3.2 Walaubagaimanapun, tanpa mengira Pernyataan Privasi yang umum ini, walaupun dalam usaha kami untuk memelihara privasi Data Peribadi anda, kami masih boleh menzahirkan Data Peribadi anda apabila penzahiran tersebut adalah: -

- a. diperlukan atau diminta atau dipersetujui anda;
- b. diperlukan oleh BNM, SC, Bursa dan/atau mana-mana pihak berkuasa;
- c. apabila penzahiran Data Peribadi anda adalah dibenarkan atau dikehendaki di bawah undang-undang;
- d. apabila penzahiran Data Peribadi anda adalah dibenarkan atau diperlukan untuk melaksanakan apa-apa tanggungjawab di bawah penguatkuasaan suatu undang-undang atau suatu perintah atau penghakiman mahkamah;
- e. untuk tujuan mengesan atau mencegah jenayah atau kegiatan yang salah di sisi undang-undang atau penipuan atau bagi tujuan untuk penangkapan atau pertuduhan pesalah laku atau penyiasatan bagi mana-mana perkara yang berkaitan;
- f. apabila diperlukan untuk mematuhi mana-mana bidang kuasa atau keperluan undang-undang;

g. apabila diperlukan untuk melindungi dan mempertahankan hak dan aset kami.

3.3 Walaubagaimanapun, setakat mana ianya dibenarkan undang-undang, kami juga berkongsi informasi anda iaitu informasi selain dari informasi kewangan ("non-financial information") anda dengan pihak ketiga seperti kontraktor yang memberi perkhidmatan IT (perisian dan perkakasan), penyelenggaraan dan membaikpulih dan perkhidmatan lain yang berkaitan dengan operasi perniagaan KAF bagi tujuan meningkatkan mutu perkhidmatan kami. Dalam keadaan ini, kami akan berusaha untuk memastikan bahawa pihak-pihak ketiga ini mematuhi piawaian yang sama berkenaan privasi data anda. Sekiranya anda mengambil keputusan untuk tidak berkongsi Data Peribadi anda dengan mana-mana pihak tersebut anda boleh memaklumkan secara bertulis kepada kami atau menghubungi kami melalui cara yang telah ditetapkan di bawah Klausu 10.

3.4 Selain daripada perkara-perkara yang dinyatakan di sini, KAF tidak akan menzahirkan Data Peribadi anda kepada mana-mana pihak ketiga tanpa persetujuan anda melainkan jika diperuntukan di bawah undang-undang.

3.5 KAF tidak menjual, menyewa atau memajak senarai nama yang kami ada melainkan dengan persetujuan anda atau sekiranya diperuntukkan di bawah undang-undang. KAF boleh menghubungi anda bagi pihak rakan niaga kami untuk memberi maklumat tentang tawaran terkini yang mungkin menarik minat anda. Walaubagaimanapun, kami tidak akan menzahirkan informasi anda yang spesifik seperti e-mel, nama, alamat dan nombor telefon kepada pihak ketiga melainkan dengan persetujuan bertulis daripada anda.

3.6 KAF tidak akan menggunakan atau menzahirkan Data Peribadi Sensitif seperti bangsa, agama, atau pendapat politik, kesalahan jenayah atau pertuduhan jenayah atas apa-apa kesalahan tanpa persetujuan eksplisit ("explicit consent") daripada anda dan/atau seperti mana yang diperuntukan di dalam Seksyen 40 PDPA.

3.7 Anda adalah dinasihatkan bahawa sekiranya anda secara sendiri menzahirkan maklumat atau informasi peribadi yang boleh dikenal pasti ("personally identifiable information") atau Data Peribadi Sensitif anda di ruangan kenyataan umum melalui Laman Web Korporat Portal KAF, maklumat ini boleh dikumpul oleh pihak lain dan ini adalah di luar kawalan KAF. Dalam keadaan sebegini, KAF tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa liabiliti akibat penglibatan atau penyertaan anda ataupun apa-apa tindakan di dalam Perkhidmatan Komunikasi. Sila ambil perhatian bahawa KAF tidak membaca mana-mana komunikasi anda dalam komunikasi "online" peribadi anda.

4. HAK DAN TANGGUNGJAWAB TERHADAP DATA PERIBADI ANDA

4.1 Sekiranya anda: -

- a. ingin diberitahu tentang Data Peribadi anda yang sedang KAF proses; atau
- b. ingin menerima sesalinan Data Peribadi tersebut; atau

NOTIS PRIVASI

- c. ingin membetulkan Data Peribadi anda, sila hantarkan permohonan anda seperti yang dinyatakan di Klausula 10 dibawah. Sila ambil perhatian bahawa kami mempunyai hak untuk mengenakan bayaran untuk tujuan melayani permohonan anda di bawah Klausula 4.
- d. ingin menarik balik persetujuan anda terhadap pemprosesan Data Peribadi anda.
- 4.2 Tertakluk kepada Klausula 4.3 di bawah, KAF akan berusaha untuk memenuhi segala permohonan yang dilakukan di bawah Klausula 4.1 dalam masa dua puluh satu (21) hari selepas menerima permohonan tersebut. Sekiranya kami gagal memenuhi kehendak anda dalam masa yang telah ditetapkan, kami akan memaklumkan sebab-sebabnya dalam masa tersebut dan kami akan memenuhi permohonan anda setakat yang kami mampu.
- 4.3 Harap maklum bahawa, kami berhak menolak untuk menyediakan akses kepada Data Peribadi anda melalui permohonan yang dibuat di bawah Klausula 4.1 sekiranya: -
- a. pemohon gagal memberikan maklumat yang lengkap untuk membuktikan identiti pemohon;
 - b. pemohon gagal memberikan maklumat yang lengkap untuk membolehkan kami mengesan Data Peribadi tersebut;
 - c. beban atau perbelanjaan untuk menyediakan akses sedemikian adalah lebih berisiko berbanding dengan risiko privasi pemohon;
 - d. kami tidak dapat memenuhi permintaan anda tanpa menzahirkan Data Peribadi individu lain;
 - e. Data Peribadi tersebut secara keseluruhan atau sebahagian, dikawal oleh satu pihak yang lain dalam keadaan yang melarang kami daripada memenuhi permintaan pemohon;
 - f. menyediakan akses akan melanggar suatu perintah mahkamah;
 - g. menyediakan akses akan menzahirkan maklumat komersial rahsia ("confidential commercial information"); atau
 - h. akses kepada Data Peribadi itu adalah dikawal oleh undang-undang lain.
- 4.4 Harap maklum bahawa, kami boleh menolak untuk membuat pembedan terhadap Data Peribadi anda melalui permohonan yang dibuat di bawah Klausula 4.1 sekiranya: -
- a. pemohon gagal memberikan maklumat yang lengkap untuk membuktikan identiti pemohon;
 - b. pemohon gagal memberikan maklumat yang lengkap untuk membolehkan kami mengesan kesilapan yang ada pada Data Peribadi tersebut;
 - c. kami berpendapat Data Peribadi anda yang kami simpan adalah tepat;
 - d. kami berpendapat bahawa pembedan yang dipohon adalah tidak tepat;
 - e. akses kepada kesemua/ sebahagian Data Peribadi itu adalah dikawal pihak yang lain yang mana ianya menghalang pihak kami daripada memenuhi permohonan anda.
- 4.5 Sekiranya anda ingin menarik balik persetujuan anda untuk membenarkan kami memproses Data Peribadi anda, sila maklukkannya melalui cara yang dinyatakan
- di Klausula 10 di bawah. Sila ambil perhatian bahawa penarik balikan persetujuan anda mungkin menyebabkan anda tidak dapat menggunakan sepenuhnya Perkhidmatan kami kerana Perkhidmatan tersebut bergantung atau melibatkan, secara langsung atau tidak langsung, pemprosesan Data Peribadi anda yang mungkin menjejaskan keupayaan kami untuk melaksanakan mana-mana kewajipan kami di bawah sebarang perjanjian yang anda ada dengan kami. Walau apa pun apa-apa penarikan balik kebenaran, pengeluaran anda akan tertakluk kepada pendedahan maklumat anda yang diperlukan untuk pematuhan kami kepada sebarang keperluan undang-undang atau kewajipan kontrak..
- Pihak KAF akan berusaha untuk memenuhi segala permohonan yang dilakukan di bawah Klausula 4.5 ini dalam masa tujuh (7) hari selepas menerima permohonan tersebut. Kami tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua keadaan terhadap sebarang kerugian, kerosakan atau liabiliti yang timbul akibat daripada pilihan anda untuk menahan ("withhold") Data Peribadi anda.
- 4.6 Sekiranya anda memilih untuk tidak bersetuju untuk tidak dihubungi untuk tujuan pemasaran langsung ini, anda boleh menyatakan atau memilih keluar dengan menghubungi Pusat Perhubungan kami di Alamat dan nombor telefon yang dinyatakan di bawah:
- KAF Investment Bank Berhad
Level 13A, Menara IQ
Lingkar TRX,
Tun Razak Exchange,
55188, Kuala Lumpur
Telefon: +603 27 082 800
E-mel: contact@kaf.com.my
- 4.7 Sekiranya anda mendapati pemprosesan Data Peribadi anda akan menyebabkan atau mungkin menyebabkan kerosakan besar yang tidak diingini ("unwarranted substantial damage") atau kesusahan besar yang tidak diingini ("unwarranted substantial distress") kepada anda atau individu lain, anda boleh meminta kami menghentikan pemprosesan Data Peribadi anda dengan menghantar permohonan melalui cara yang dinyatakan di Klausula 10 di bawah.
- 4.8 Tertakluk kepada Klausula 4.8 di bawah, KAF akan berusaha untuk memenuhi segala permohonan yang dilakukan di bawah Klausula 4.6 dalam masa dua puluh satu (21) hari selepas menerima permohonan tersebut. Sekiranya kami gagal memenuhi permohonan anda dalam masa yang telah ditetapkan, kami akan memaklumkan sebab-sebabnya dalam masa tersebut dan kami akan memenuhi permohonan setakat mana yang mampu.
- 4.9 Harap maklum bahawa, kami boleh menolak permohonan yang dibuat di bawah Klausula 4.6 sekiranya: -
- a. anda telah bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi yang dipersoalkan
 - b. pemprosesan Data Peribadi tersebut adalah penting untuk pelaksanaan kontrak dengan anda;

NOTIS PRIVASI

c. pemrosesan Data Peribadi tersebut adalah salah satu langkah penting bagi membolehkan kami memenuhi permohonan anda untuk memasuki kontrak; d. pemrosesan Data Peribadi tersebut adalah perlu untuk memenuhi kewajiban undang-undang yang terpakai ke atas kami; e. pemrosesan Data Peribadi tersebut adalah perlu untuk melindungi kepentingan anda; atau f. pemrosesan Data Peribadi tersebut adalah atas kehendak Menteri.		
5.	PAUTAN LAMAN WEB PIHAK KETIGA (“LINKED SITES”)	
5.1	Sila ambil perhatian bahawa apabila anda mengakses Laman Web Korporat Portal KAF, ia mungkin mengandungi pautan laman web pihak ketiga (“links to third party sites”). Sekiranya anda ingin melawat laman web pihak ketiga tersebut, anda adalah dinasihatkan untuk menyemak Pernyataan Privasi laman web pihak ketiga pilihan anda untuk memahami cara laman web tersebut mengumpul, menggunakan dan berkongsi informasi anda. KAF tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana laman web pihak ketiga atau Data Peribadi yang telah anda berikan kepada laman web pihak ketiga tersebut. Laman web pihak ketiga tersebut adalah tertakluk kepada pernyataan privasi milik pihak ketiga tersebut (jika ada). Oleh itu, anda adalah dinasihatkan untuk memastikan bahawa anda berpuas hati dengan pernyataan privasi laman web pihak ketiga tersebut sebelum anda memberikan Data Peribadi anda.	
6.	KEGUNAAN KUKI (“COOKIES”)	
6.1	Laman Web Korporat Portal KAF menggunakan kuki untuk mengkhususkan lawatan anda ke Laman Web Korporat Portal KAF. Kuki adalah cebisan maklumat yang terletak di cakera keras computer (“hard disk”) oleh Server Laman Web (“web page server”). Kuki tidak boleh digunakan untuk melancarkan program atau menghantar virus ke komputer anda. Kuki adalah khusus kepada anda dan hanya boleh dibaca oleh laman web yang menggunakan kuki tersebut.	
6.2	Anda boleh memilih untuk menerima atau menolak kuki. Kebanyakan pelayar web (“Web Browser”) akan menerima kuki secara automatik, namun demikian anda boleh menukar tetapan penyemak imbas (“browser setting”) anda untuk menolak semua permintaan kuki. Walaubagaimanapun, sekiranya anda memilih untuk menolak kuki, anda mungkin tidak dapat menggunakan sepenuhnya perkhidmatan dan ciri-ciri interaktif kami atau mana-mana laman web yang anda layari.	
7.	KESELAMATAN DATA PERIBADI ANDA	
7.1	KAF melindungi Data Peribadi anda dengan memastikan bahawa langkah-langkah keselamatan adalah memadai dan Data Peribadi anda di simpan dan dikendalikan dalam keadaan yang selamat untuk mengelakkan sebarang penzahiran yang tidak dibenarkan (“unauthorized disclosure”).	
7.2	KAF akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mengelakkan penggunaan,	
		pengaksesan, atau penzahiran yang tidak dibenarkan bagi memastikan Data Peribadi anda hanya digunakan untuk perkara yang telah dipersetujui.
7.3	Berhubung dengan laman web Portal Korporat KAF, KAF melindungi Data Peribadi anda daripada akses, penggunaan atau pendedahan yang tidak dibenarkan. Untuk mengelakkan akses atau pendedahan yang tidak dibenarkan, kami telah menyediakan prosedur fizikal, elektronik dan sistem yang sesuai untuk melindungi dan menjamin data peribadi anda yang kami kumpulkan daripada anda dan/atau daripada mana-mana sumber lain.	
7.4	Selanjutnya, kedua-dua pihak iaitu pihak KAF dan anda memainkan peranan penting dalam melindungi diri daripada penipuan “online”. Untuk tujuan verifikasi identiti pengguna, kami menggunakan dalam proses pengesahan kami (“authentication process”) kata kunci dan kata laluan yang berbeza sebagai kunci untuk mengakses laporan penyelidikan dan laman web serta lain-lain informasi yang dilindungi.	
8.	SEKIRANYA ANDA SUDAH TIDAK MENERIMA ATAU MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN KAMI	
8.1	KAF tidak akan menyimpan Data Peribadi anda lebih daripada jangka masa yang diperlukan untuk memenuhi tujuan pemrosesan Data Peribadi tersebut melainkan penyimpanan tersebut perlu dilakukan untuk pihak KAF melaksanakan mana-mana fungsi regulatori (“regulatory function”), di bawah mana-mana peruntukan atau undang-undang atau berkaitan dengan apa-apa perintah atau penghakiman mahkamah.	
8.2	Sekiranya anda tidak lagi mahu mana-mana syarikat di bawah KAF memproses Data Peribadi anda dalam keadaan ini, sila hubungi kami melalui cara yang telah dinyatakan di Klausa 10 di bawah. Kami akan mengambil semua langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan kesemua Data Peribadi anda dimusnahkan atau dilupuskan selama-lamanya (“permanently deleted”).	
9.	PERUBAHAN KEPADA PERNYATAAN PRIVASI INI	
9.1	KAF akan mengemaskini (termasuklah membuat pembetulan, menukar atau menambah) Pernyataan Privasi ini dari masa ke semasa untuk memenuhi kehendak atau permintaan pelanggan kami dan bagi mencerminkan polisi semasa syarikat dan perubahan peraturan-peraturan dan akta-akta yang terpakai pada waktu dan masa tersebut.	
9.2	KAF menggalakkan anda untuk sentiasa menyemak Pernyataan Privasi ini agar anda sentiasa mengetahui cara-cara KAF melindungi Data Peribadi anda.	
9.3	Untuk mengelakkan sebarang keraguan, sekiranya terdapat sebarang perbezaan diantara Pernyataan Privasi ini dan mana-mana peruntukan undang-undang, termasuk dan tidak terhad kepada PDPA, peruntukan undang-undang akan diterimapakai dan KAF berhak mengubah Pernyataan Privasi ini.	

NOTIS PRIVASI

10. HUBUNGI KAMI

- 10.1 KAF sangat mengalu-alukan sebarang komen mengenai Pernyataan Privasi kami. Anda boleh menghantar sebarang pertanyaan dan/atau aduan berkenaan Data Peribadi atau informasi anda melalui email ke alamat pdpa@kaf.com.my atau melalui surat dialamatkan ke alamat seperti di bawah: -

KAF Investment Bank Berhad
Level 13A, Menara IQ,
Lingkaran TRX,
Tun Razak Exchange,
55188 Kuala Lumpur.
U/P: *Head, Group Compliance*

11. UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI

- 11.1 Undang-undang yang terpakai bagi Pernyataan Privasi ini adalah undang-undang Malaysia.